

**KAJIAN MANUSKRIP AL-MU'TABAR
FĪ AL-ḤIKMAH (KITĀB AL-NAFS)
KARANGAN ABŪ AL-BARAKĀT
AL-BAGHDĀDĪ (547H./1152M.): KE ARAH
SUATU KAEDAH SUNTINGAN ILMIAH
WARISAN MANUSKRIP MELAYU-ISLAM¹**

Oleh:

Wan Suhaimi Wan Abdullah ²

Abstract

Producing a critical edition of a text is not merely an art. It is an important academic responsibility for bridging the past and the present. As any other academic and intellectual exercises, manuscript editing has its 'art' and challenges. The different texts and languages demand different approaches and preparations. This article, which is based basically on writer's experiences in dealing with Arabic manuscripts, tries to expose the 'art' of

¹ Makalah ini asalnya adalah sebuah kertas kerja yang dikemukakan untuk dibentangkan di *Seminar Penyelidikan Pengajian Islam Peringkat Kebangsaan Ke Tiga*, anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM, yang akan berlangsung di Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E. pada 8-9 Ogos 2005. Beberapa tambahan dan pengemaskinian telah dilakukan ke atas edisi ini untuk penerbitan.

² Wan Suhaimi Wan Abdullah, M.A., ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan calon Doktor Falsafah di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) dalam bidang falsafah Islam.

manuscript editing, especially Arabic manuscript, and of the same time attempts to propose appropriate procedures for editing Malay manuscripts. Some conceptual aspects related to the editing processes are also discussed.

Pendahuluan

Kajian ini secara dasarnya berkisar pada mengumpul, mengkaji, membanding dan menstruktur kembali teks *Kitāb al-Nafs* dari *al-Mu'tabar fī al-Hikmah*, sebuah karya falsafah karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī. Matlamat akhir kajian ini ialah untuk menyediakan suatu edisi kritikal teks tersebut untuk tatapan para ilmuwan dan pengkaji. Makalah ini akan mengetengahkan pengalaman penulis dalam kajian manuskrip. Ia akan dipersembahkan dalam dua bahagian utama: bahagian pertama lebih berupa laporan penyelidikan yang telah dijalankan manakala bahagian kedua pula lebih menjurus kepada mengemukakan suatu saranan dan cadangan ke arah memperkembangkan hasil dapatan dan pengalaman yang diperolehi dari penyelidikan yang dijalankan. Ini diharap mampu menyumbang kepada usaha penggubalan suatu 'kaedah suntingan ilmiah' warisan manuskrip Melayu-Islam di Malaysia khususnya dan di Alam Melayu amnya³.

³ Warisan manuskrip Melayu-Islam di sini bermaksud karya-karya Jawi yang berupa warisan ilmu-ilmu Islam dalam pelbagai bidang. Ungkapan 'Melayu-Islam' di sini sama sekali tidak bermaksud bahawa Melayu dan Islam itu adalah dua unsur yang terpisah secara mutlak, walaupun tidak dinafikan wujudnya kini kecenderungan untuk melihat Melayu sebagai suatu yang terpisah dari Islam. Kecenderungan sebegini pastinya akan merugikan Melayu itu sendiri sebagai suatu bangsa dan budaya. Islam sebagai suatu agama pasti akan tetap ulung dengan identitinya yang terjaga, sama ada ia dijaga oleh umat Melayu ataupun umat lain. Oleh yang demikian, perkataan 'Islam' yang disandarkan kepada Melayu dalam penggunaan istilah 'Melayu-Islam' di sini lebih bertujuan membezakan di antara karya-karya Jawi yang bersifat ilmiah dan keagamaan dengan karya-karya sastera Melayu serta warkah dokuman-dokuman am.

Kajian Manuskrip Arab *al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah (Kitāb al-Nafs)* Karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī (547H. / 1152M.)

Projek penyelidikan ini dijudolkan sebagai: **Abū al-Barakāt al-Baghdādī's Psychology and its Place in Islamic Philosophy: A Critical Edition of *Kitāb al-Nafs* from *al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah*, with an Analysis and Annotated Translation of Selected Texts.** Ia merupakan sebahagian dari penyelidikan Doktor Falsafah penulis dalam bidang Pemikiran Islam yang sedang dijalankan di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penyelidikan Kedoktoran tersebut berupa kajian manuskrip dan ia melibatkan kerja-kerja mengumpul manuskrip *Kitāb al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah*, khususnya *Kitāb al-Nafs* yang merupakan sebahagian dari juzuk kedua *al-Mu'tabar*, karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī⁴ (m. 547 H. / 1152 M.) yang dapat dikesan kewujudannya. Di samping itu kajian ini juga menjalankan kerja-kerja suntingan (*editing*) teks, menterjemah teks-teks pilihan serta menganalisis persoalan-persoalan utama psikologi Abū al-Barakāt al-Baghdādī.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan penyelidikan awal yang dilakukan, didapati bahawa koleksi manuskrip kitab tersebut hanya terdapat di Istanbul, Turkey dan di Kaherah, Mesir⁵. Penulis sememangnya menyedari bahawa di sana terdapat satu lagi manuskrip di Hyderabad, India, iaitu

⁴ Lihat tentang pengenalan tokoh, Wan Suhaimi Wan Abdullah (1999), "Abū al-Barakāt al-Baghdādī (467-547H): Suatu Biografi", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 9, Julai 1999, h. 73-96.

⁵ Ini berdasarkan *survey* yang dilakukan sejak tahun 1996 ketika penulis menyediakan penyelidikan Sarjananya di Fakulti Dār al-'Ulūm, Universiti Kaherah, Kaherah. Kajian Sarjana tersebut yang bertajuk: '*al-Ilāhiyyāt min al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah* li Abī al-Barakāt al-Baghdādī, *Tahqīq wa Dirāsah*' juga berupa kajian manuskrip yang sama, tetapi fokusnya adalah ke atas juzuk ketiga *Kitāb al-Mu'tabar*. *Survey* tersebut dilakukan dengan merujuk kepada sumber-sumber bertulis yang berupa katalog manuskrip di beberapa pusat manuskrip utama seperti di Kaherah dan Istanbul. Ini di samping katalog-katalog manuskrip lain, lihat sebahagian dari senarai katalog tersebut dalam perbincangan "Beberapa Bibliografi Penting Penyelidikan" di bawah.

salah satu manuskrip yang digunakan oleh al-Sayyid Sulaymān al-Nadwī, 'penyemak' (*muṣahḥih*) edisi pertama dan tunggal *Kitāb al-Mu'tabar* yang dicetak di Dā'irat al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah, Hyderabad, Deccan, India pada tahun 1358 H. Manuskrip ini mungkin masih tersimpan di Hyderabad, namun disebabkan tiada katalog yang boleh membantu penulis untuk mengesan kewujudan manuskrip tersebut di Hyderabad atau di mana-mana pusat manuskrip, maka usaha untuk mendapatkan salinan manuskrip tersebut tidak dapat dilakukan. Tambahan pula, edisi Hyderabad yang menggunakan manuskrip ini sebagai salah satu sumber teksnya boleh dijadikan sebagai 'sumber tidak langsung' bagi manuskrip tersebut. Di samping itu, perlu ditegaskan bahawa kerja-kerja penyuntingan manuskrip dan penyediaan edisi kritikal bagi sesuatu teks tidak mensyaratkan penyediaan kesemua salinan manuskrip teks⁶.

Ketika menjalankan penyelidikan di peringkat Sarjana, penulis telah mengkaji teks yang sama, tetapi berlainan juzuk dan topik. Penulis telah berhasil memperolehi beberapa naskhah manuskrip *al-Mu'tabar* yang terdapat di Istanbul, Turkey. Oleh itu, demi melengkapkan kajian ini, satu lagi naskhah manuskrip berkaitan yang berada di Kaherah, Mesir diperlukan. Jadi, Penyelidikan Jangka Pendek (PJP)⁷ yang dilakukan ini menjurus kepada usaha untuk mendapat, meneliti dan membandingkan manuskrip Kaherah dengan manuskrip-manuskrip Istanbul yang telah dimiliki untuk melengkapkan bahagian suntingan dalam kajian kedoktoran yang sedang dijalankan⁸.

⁶ Lihat misalnya Blachere *et. al.* (1988), *Qawā'id Tahqīq al-Makḥḥūāt al-'Arabiyyah wa Tarjamatuhā*, terj. Arab oleh: Maḥmūd al-Miqdād, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir dan Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 47.

⁷ Penyelidikan ini dijalankan dengan biayaan Peruntukan Penyelidikan Jangka Pendek (Vot F) 2003 – Agihan 2, Universiti Malaya sebanyak RM 3700.00. Usaha mendapat dan meneliti manuskrip berkaitan dilakukan di Kaherah antara 10 Mac – 1 April 2004, manakala kerja perbandingan manuskrip dijalankan setelah salinan manuskrip yang dipohon diperolehi kemudiannya.

⁸ Perlu dinyatakan bahawa semasa lawatan singkat ke Institut Sejarah Sains Arab dan Islam (Institutes für Geschichte der Arabisch-Islamischen Wissenschaften), Universiti Frankfurt pada September 2004 baru-baru ini, penulis menemui satu lagi salinan manuskrip *Kitāb*

Berdasarkan penerangan ringkas projek PJP di atas, tujuan kajian ini menjurus kepada mendapatkan sesalinan naskhah manuskrip *Kitāb al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah* di Pusat Manuskrip, Organisasi Awam Buku Mesir (*The General Egyptian Book Organization*) di Kaherah, seterusnya menjalankan penelitian dari aspek teksnya dan membuat perbandingan teks dengan naskhah-naskhah yang telah terkumpul. Bidang tumpuan kajian ini secara umumnya adalah bidang kajian manuskrip dan secara khususnya kajian manuskrip *Kitāb al-Nafs* dari *Kitāb al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah*.

Sebagai makluman, sehingga kini masih belum terdapat suatu 'edisi kritikal' bagi *Kitāb al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah*. Satu-satunya edisi kitab *al-Mu'tabar* yang ada adalah edisi Hyderabad, India tahun 1358 H. Ia adalah edisi 'semakan' (*taṣḥīh*) yang dihasilkan dengan merujuk kepada beberapa manuskrip. Hal ini mendorong penulis untuk mengusahakan projek ini.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, penulis telah memulakan projek kajian manuskrip *Kitāb al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah* ini ketika menjalankan penyelidikan Sarjananya. Bezanya dengan kajian yang dilakukan di sini adalah dari aspek topik dan jilid atau bahagian kitab yang terlibat. Kajian peringkat Sarjana tertumpu pada bahagian metafizik yang melibatkan jilid ketiga *Kitāb al-Mu'tabar*, manakala kajian ini memfokuskan aspek psikologi yang melibatkan

Mu'tabar fī al-Ḥikmah dalam bentuk microfilm yang dimiliki oleh institut tersebut. Ia adalah salinan microfilm bagi manuskrip Perpustakaan Zahiriyyah, Damsyik, Syria. Manuskrip ini terdiri dari dua juzuk lengkap dari *Kitāb al-Mu'tabar* iaitu Juzuk Kedua berkaitan Fizik (*al-Ṭabī'īyyāt*) dan Juzuk Ketiga berkaitan Metafizik (*al-Ilāhiyyāt*). Usaha telah dilakukan untuk memperolehi sesalinan manuskrip tersebut sama ada dari salinan Institut Sejarah Sains Arab dan Islam di Frankfurt mahupun terus dari Perpustakaan Zahiriyyah di Damsyiq, Syria. Akhirnya dengan pertolongan Profesor Hans Daiber, profesor di Universiti Frankfurt, dan Dr. Syamsuddin Ariff, calon Ph.D. di universiti yang sama, penulis berjaya mendapatkan salinan mikrofilm manuskrip tersebut. Penulis ingin merakamkan ucapan ribuan terimakasih kepada Prof. Daiber dan Dr. Syamsuddin di atas bantuan mereka dan juga kepada Fuat Sezgin, Pengarah Institut Sejarah Sains Arab dan Islam, yang bermurah hati membenarkan penulis membuat salinan mikrofilm dari koleksi Institut.

sebahagian dari jilid kedua *Kitāb al-Mu'tabar*⁹. Pengalaman dari kajian Sarjana di atas sememangnya banyak membantu penulis dalam kajian ini, ini dari satu aspek.

Dari aspek yang lain pula, berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui dan panduan serta kaedah menyunting manuskrip yang disarankan oleh pakar-pakar dalam bidang kajian manuskrip, sememangnya sesuatu edisi yang dihasilkan berdasarkan naskhah manuskrip yang berbilang adalah lebih baik berbanding edisi yang hanya merujuk kepada naskhah manuskrip yang terhad. Jumlah manuskrip yang berbilang akan membantu penyunting mencapai kualiti pembacaan teks yang lebih baik dan tepat, dan ini pastinya akan membuahkan edisi teks yang jelas dan bermutu.

Ekoran dari penjelasan di atas, dengan terkumpulnya semua naskhah manuskrip *Kitāb al-Mu'tabar* yang ada, diharapkan nanti suatu edisi yang jelas, baik dan bermutu dapat dihasilkan.

1. Penerangan Ringkas Teknik Penyelidikan

Penyelidikan ini dijalankan dalam dua tahap: tahap pertama ialah tahap pengumpulan manuskrip dan tahap kedua ialah tahap membandingkan teks manuskrip yang diperolehi.

Pada tahap pertama, penyelidikan awal dilakukan untuk mengesan dan mencari di mana manuskrip-manuskrip yang ingin dikaji boleh didapati. Ini dilakukan dengan meneliti katalog manuskrip yang wujud di perpustakaan-perpustakaan utama¹⁰. Setelah mengetahui lokasi di mana

⁹ *Kitāb al-Mu'tabar fī al-Hikmah* edisi Hyderabad terbahagi kepada tiga bahagian yang dicetak dalam tiga jilid; jilid pertama ialah bahagian Mantiq, jilid kedua khusus untuk bahagian Fizik dan jilid terakhir adalah bahagian Metafizik. Bahagian kedua *al-Mu'tabar* terbahagi kepada enam 'Kitāb' iaitu: 1) *K. al-Simā' al-Ṭabī'i*, 2) *K. al-Samā' wa al-'Ālam*, 3) *K. al-Kawn wa al-Fasād*, 4) *K. al-Āthār al-'Ulwiyyah wa al-Ma'ādīn*, 5) *K. al-Haywān wa al-Nabāt*, 6) *Kitāb al-Nafs*.

¹⁰ Dalam kes kajian manuskrip Arab, perpustakaan dan pusat manuskrip di Istanbul, Kaherah, Tehran, Damsyik dan India adalah antara pusat terpenting. Ini di samping perpustakaan-perpustakaan di Barat seperti di Sepanyol, Perancis, Jerman, Britain dan di Rusia. Dalam usaha mengesan lokasi sesuatu manuskrip, para pangkaji umumnya dinasihatkan merujuk kepada sekurang-kurangnya karya

manuskrip itu berada berdasarkan maklumat yang diperolehi dari katalog yang dirujuk, usaha dilakukan untuk mendapatkan salinan manuskrip tersebut. Dalam kes ini, penulis dengan peruntukan yang diberikan telah pergi sendiri ke pusat manuskrip di Kaherah untuk meneliti dan mendapatkan salinannya.

Pada tahap kedua, iaitu tahap meneliti dan membandingkan teks manuskrip yang diperolehi, penulis terlebih dahulu meneliti manuskrip-manuskrip berkenaan dari mikrofilm untuk mengesahkannya sebelum sebarang urusan untuk mendapatkan salinannya dilakukan. Setelah salinan manuskrip diperolehi, biasanya dalam bentuk mikrofilm, ia dicetak ke atas kertas untuk memudahkan proses seterusnya. Dari sini kerja perbandingan manuskrip dilakukan dan ia melibatkan perbandingan dari aspek luaran dan dalaman khususnya dari aspek bacaannya. Ini bertujuan mencari suatu bacaan yang jelas dan tepat bagi manuskrip itu. Segala perbezaan dari aspek bacaan atau jika terdapat sebarang ungkapan tambahan yang ditemui akan dicatat di bahagian nota kaki sebagai bukti perbandingan. Ini juga akan membantu pengkaji lain untuk menilai sendiri apakah pembacaan terbaik untuk teks tersebut.

Selain dari itu, perlu dinyatakan bahawa sebelum proses perbandingan teks dilakukan, para pengkaji dituntut meneliti manuskrip teks yang berjaya dimilikinya untuk mencari naskhah 'induk' bagi projek penyuntingan. Ini dapat ditentukan melalui penelitian beberapa aspek antaranya ialah penulis manuskrip, umur manuskrip dan kesempurnaan manuskrip. Suatu carta yang menggambarkan

Carl Brockelmann (1943), *Geschichte der Arabischen litteratur*, Leiden: E.J. Brill dan Fuat Sezgin (1967), *Geschichte des Arabischen Schrifttums*, Leiden: E.J. Brill sebelum terus menelaah katalog-katalog khas yang disediakan oleh sesetengah pusat manuskrip. Ketiadaan suatu koleksi lengkap katalog yang mengumpulkan maklumat tentang manuskrip di perpustakaan-perpustakaan utama dunia menyulitkan para pengkaji pada tahap ini. Perlu diingatkan di sini, kerja-kerja pencarian manuskrip adalah kerja yang berterusan, hatta walaupun setelah dikumpulkan salinan manuskrip yang dapat dikesan. Ini kerana terdapat kes-kes di mana manuskrip-manuskrip 'baru' yang belum tersenarai dalam katalog yang ada dijumpai dan ia kadang-kadang lebih berautoriti dari manuskrip yang sedia diketahui.

'silsilah' naskhah manuskrip, yang disebut sebagai 'pohon manuskrip' (*shajarat al-makhṭūṭāt*) perlu dikemukakan untuk melihat kaitan yang mungkin wujud di antara manuskrip yang terkumpul¹¹.

Secara amnya, langkah-langkah yang perlu diikuti dalam proses penyuntingan manuskrip dapat diringkaskan sebagaimana berikut¹²:

- i. Mengenalpasti manuskrip yang ingin dikaji
- ii. Mengesan lokasi manuskrip dan berusaha mengumpulnya
- iii. Meneliti koleksi manuskrip yang terkumpul untuk membezakan status dan kedudukan manuskrip tersebut
- iv. Memilih satu manuskrip induk sebagai asas
- v. Menyalin kembali manuskrip induk tersebut
- vi. Membandingkan teks induk ini dengan naskhah manuskrip yang lain dan mencatatkan segala perbezaan bacaan pada nota kaki¹³.

¹¹ Lihat Aymān Fu'ād Sayyid (1997), *al-Kitāb al-'Arabī al-Makhṭūṭ wa 'Ilm al-Makhṭūṭāt*, Kaherah: al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah, 2: 551-552, seterusnya disebut *al-Kitāb al-'Arabī al-Makhṭūṭ*.

¹² Bandingkan berkaitan langkah-langkah penyuntingan ini dalam 'Abd al-Salām Hārūn (1975), *Tahqīq al-Nuṣūṣ wa Nashruhā*, Kaherah: Mu'assasah al-Ḥalabī wa Shurakāh, h. 39 dan seterusnya, kemudiannya disebut sebagai *Tahqīq al-Nuṣūṣ*; Hasan Maḥmūd al-Shāfē'ī (1993), 'Muqaddimah al-Taḥqīq' dalam Sayf al-Dīn al-'Āmidī, *al-Mubīn fī Sharḥ Ma'ānī Alfāz al-Ḥukamā' wa al-Mutakallimīn*, taḥqīq: H.M. al-Shāfē'ī, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 52-53; *idem.*, (t.t.), 'Ba'd Ṣu'ūbāt Taḥqīq al-Makhṭūṭāt al-'Arabīyyah', dalam Muḥammad al-Sayyid al-Jalayand (t.t.), *Fann Taḥqīq al-Turāth*, Kaherah: Kullīyyah Dār al-'Ulūm, Universiti Kaherah, h. 114-158, seterusnya disebut *Ba'd Ṣu'ūbāt*; Aymān Fu'ād Sayyid, *al-Kitāb al-'Arabī al-Makhṭūṭ*, 2: 549-551 dan 'Abd al-Majīd Diyāb (1993), *Tahqīq al-Turāth al-'Arabī Manhajuhu wa Tanawwuruhu*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 207 dan seterusnya, kemudiannya disebut sebagai *Tahqīq al-Turāth*.

¹³ Ini dapat dilakukan dengan dua cara; sama ada dengan membandingkan antara satu salinan dengan yang lain satu persatu, atau dengan mengagihkan semua manuskrip kepada beberapa orang lain, bergantung kepada jumlah manuskrip yang terkumpul. Dalam kes ini, pengkaji membaca naskhah induk sambil yang lain mengikuti pembacaan itu dengan teks yang di tangan masing-masing. Sekiranya terdapat perbezaan teks, ianya dimaklumkan dan pengkaji mencatatnya pada nota kaki salinan teks yang disediakan berasaskan naskhah induk manuskrip. Berbanding dengan cara kedua, cara yang

- vii. Bacaan kali seterusnya dilakukan untuk menentukan bacaan yang dipilih dan mencatat bacaan lain pada nota kaki. Pada tahap ini, penyusunan perenggan, penandaan tanda-tanda baca serta penentuan tajuk kecil (jika perlu) dilakukan¹⁴.
- viii. Seterusnya peringkat anotasi (*ta'liq*) dijalankan. Ini merangkumi mengesankan teks nukilan (*quotation*), sama ada yang berupa ayat al-Qur'an, hadith, sya'ir ataupun teks dari karya-karya terdahulu, dari sumber asalnya dan menjelaskan ketepatan nukilan tersebut. Selain dari itu, penjelasan ke atas ungkapan yang kabur dan istilah-istilah teknikal dalam teks juga perlu diketengahkan. Pengenalan tokoh-tokoh yang disebut dalam teks, terutama tokoh yang tidak begitu terkenal dalam bidang teks, perlu juga dikemukakan¹⁵.
- ix. Menyediakan indeks-indeks berkaitan seperti indeks ayat al-Qur'an, hadith, nama khas, jodol karya, istilah dan sebagainya.
- x. Menyediakan 'pengantar penyuntingan' yang merangkumi penjelasan tentang kepentingan teks,

pertama lebih 'selamat' dari kesilapan walaupun ianya lebih sulit dan mengambil masa yang lebih lama. Ini kerana dalam penggunaan cara kedua, risiko kecuaiian 'pembantu' lebih besar kerana tahap penguasaan mereka dalam membaca teks dan minat terhadap subjek teks mungkin akan mempengaruhi tumpuan mereka dalam mengesan perbezaan bacaan dan signifikannya.

¹⁴ Pada peringkat ini buku-buku panduan penulisan dan tanda baca seperti 'Abd al-'Alīm 'Ibrāhīm (t.t.), *al-'Imlā' wa al-Tarqīm fi al-Kitābah al-'Arabīyyah*, Kaherah: Dār Gharīb li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' dan Ahmad Muhammad al-Kharrāt (1994), *al-Hamzah fi 'Imlā' al-'Arabī al-Mushkilat wa al-Hall*, Damsyiq: Dār al-Qalam dan Beirut: al-Dār al-Shāmiyah boleh dijadikan panduan.

¹⁵ Dalam menyediakan anotasi ini, khususnya yang melibatkan petikan teks dan pengenalan tokoh, para pengkaji perlu merujuk kepada karya yang bersifat 'kamus' atau 'ensaiklopedia' yang menghimpunkan misalnya biografi ilmuwan (*tabaqāt*), karya yang dihasilkan (*muṣannafāt*) dan nama-nama tempat (*al-buldān*). Buku Dr. Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī (1985), *al-Mūjiz fi Marāji' al-Tarājim wa al-Buldān wa al-Muṣannafāt wa Ta'rīfāt al-'Ulūm*, Kaherah: Maktabah al-Khanjī boleh dijadikan panduan awal.

penjelasan tentang sifat dan kriteria manuskrip yang terkumpul, tentang edisi-edisi terdahulu jika telah diterbitkan, metodologi suntingan yang digunakan serta simbol yang digunapakai dalam edisi tersebut.

2. Beberapa Bibliografi Penting Penyelidikan

Kajian manuskrip di samping ianya adalah suatu projek ilmiah, ia juga adalah suatu 'seni'. Oleh itu para penyelidik perlu mengetahui selok belok kerja seni ini dengan meneliti pengalaman-pengalaman para 'editor' yang berpengalaman. Pengetahuan berkenaan kerja penyuntingan ini pasti akan membantu penyelidik menghasilkan suatu edisi yang baik. Di samping itu, usaha untuk mengesan kewujudan sesebuah manuskrip juga bukanlah suatu usaha yang senang khususnya dilihat dari aspek banyaknya manuskrip-manuskrip yang belum dikatalogkan. Oleh yang demikian, para pengkaji juga perlu mengenalpasti katalog-katalog manuskrip yang ada yang mungkin mengandungi maklumat-maklumat penting tentang manuskrip yang akan dikaji. Berikut adalah beberapa contoh rujukan berkaitan kaedah penyuntingan ilmiah manuskrip Arab dan katalog-katalog utama:

1. R. Blachère dan J. Sauvaget (1953), *Règles pour éditions et traductions de textes arabes*, Paris. Atau terjemahan Arabnya oleh Maḥmūd al-Miqdād (1988), *Qawā'id Taḥqīq al-Makḥṭūṭāt al-'Arabīyyah wa Tarjamatuhā*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir dan Damsyiq: Dār al-Fikr
2. 'Abd al-Salām Hārūn (1965), *Taḥqīq al-Nuṣūṣ wa Nashruhā*, Kaherah: Mu'assasah al-Ḥalabī wa Shurakāh li al-Nashr wa al-Tawzī', cet. kedua.
3. Ṣalāh al-Dīn al-Munjid (1982), *Qawā'id Taḥqīq al-Makḥṭūṭāt*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Jadīd, cet. keenam.
4. 'Abd al-Majīd Diyāb (1993), *Taḥqīq al-Turāth al-'Arabī Manhajuhu wa Taṭawwuruhu*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif
5. Aymān Fu'ād Sayyid (1997), *al-Kitāb al-'Arabī al-Makḥṭūṭ wa 'ilm al-Makḥṭūṭāt*, Kaherah: al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah

6. Ibn Nadīm (t.t.), *al-Fihrist*, Tehran: Marvi.
7. Kaḥālāh, 'Umar Riḍā (t.t.), *Mu'jam Mu'allifin*, Beirut: Maktabah al-Muthannā dan Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
8. Ḥājī Khalīfah (1941), *Kashf al-Zunūn 'an Asāmi al-Kutub wa al-Funūn*, Istanbul: al-Maṭba'ah al-Bahiyyah, Wikālah al-Ma'ārif al-Jalīlah.
9. Katalog manuskrip di Pusat Manuskrip, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Kaherah.
10. Katalog manuskrip di The Institute of Arabic Manuscripts (*al-Ma'had al-Makhṭūṭāt*) di Kaherah.
11. Katalog manuskrip Perpustakaan Sulaymaniyyah di Istanbul
12. Ramazan Sesen et. al. (1986), *Fihris Makhṭūṭāt Maktabah Kuprolu*, Istanbul: IRCICA.
13. Brockelmann, Carl (1943), *Geschichte der Arabischen Litteratur*, Leiden: E.J. Brill.
14. Fuat Sezgin (1967), *Geschichte des Arabischen Schrifttums*, Leiden: E.J. Brill
15. Vollers, K. (1906), *Katalog der islamischen, christlich-orientalischen, judischen und samaritanischen Handschriften*, Leipzig: repr., Osnabruck: Biblio Verlag, 1975.
16. 'Izzat Yāsīn Abū Haybah (1989), *al-Makhṭūṭāt al-'Arabiyyah Fahārisuhā wa Fihrasatuhā wa Mawāṭinuhā fī Jumhūriyyah Miṣr al-'Arabiyyah*, Kaherah: al-Hai'at al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.
17. The Institute of Arabic Manuscripts, *Revue de l'Institut des Manuscripts Arabes*, Kaherah.

3. Hasil Dapatan dan Pengalaman Kajian

Secara umumnya data eksperimen yang diperolehi dari kajian ini adalah berupa naskhah-naskhah manuskrip bagi teks yang sama yang ditulis pada era dan zaman berbeza. Selain dari koleksi lengkap manuskrip-manuskrip berkaitan dapat dikumpul, penemuan lain yang penting dalam kajian ini ialah wujudnya alternatif bacaan dan kadang kala ditemui huraian tambahan pada sesetengah manuskrip. Ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik dalam

pembacaan teks dan seterusnya membantu penyunting dalam penghasilan edisi yang lebih baik.

Kesimpulan utama dan penting daripada penemuan di atas ialah bahawa dalam kajian manuskrip, koleksi lengkap naskhah manuskrip yang ada, perlu dan patut dikumpul kesemuanya atau kebanyakannya terlebih dahulu. Koleksi manuskrip yang terhad, lebih-lebih lagi jika ianya 'tunggal', akan menyulitkan kerja penyuntingan kerana kurangnya sumber perbandingan dan alternatif bacaan. Dalam kajian ini misalnya, penulis menghadapi banyak masalah dalam memastikan bacaan sesuatu perkataan atau ungkapan teks, khususnya dari manuskrip yang tidak bernoktah. Tanpa merujuk kepada naskhah manuskrip bandingan yang lain, seseorang pengkaji mungkin akan melakukan kesilapan dalam menentukan bacaan yang betul dan tepat. Oleh yang demikian, para pengkaji manuskrip dituntut dan digalakkan agar memastikan bahawa manuskrip yang dipilih untuk kajian mempunyai sekurang-kurangnya lebih dari satu naskhah yang berlainan¹⁶.

Dari aspek yang lain pula, antara masalah utama yang dihadapi dalam kajian ini ialah berkaitan dengan usaha memperolehi salinan manuskrip khususnya yang berada di luar negara. Dalam kes kajian ini, manuskrip yang berkaitan hanya kedapatan di Istanbul dan di Kaherah. Selain lokasi yang jauh, urusan mendapat kebenaran untuk mendapatkan sesalinan manuskrip juga agak sulit. Ini antara lain disebabkan oleh polisi-polisi tertentu yang dipraktik di negara dan pusat manuskrip yang terlibat di samping sistem pengurusan yang tidak begitu baik di sesetengah pusat manuskrip.

¹⁶ Naskhah yang berlainan di sini bermaksud berlainan sumber salinannya. Ini kerana kedapatan misalnya dua atau lebih naskhah yang dijumpai ditulis pada era atau zaman yang berbeza, namun ia merujuk atau disalin dari sumber yang sama. Oleh itu kita dapati bahawa dalam naskhah-naskhah sebegini, walaupun ia ditulis dan dihasilkan pada zaman yang berbeza dan ditemui di lokasi yang berlainan, namun dari segi isinya ia adalah sama kerana kesemuanya merujuk kepada 'asal' yang sama. Naskhah manuskrip sebegini walaupun berbilang kuantitinya, namun dari segi kualiti nilainya sebagai sumber penyuntingan teks adalah tidak begitu baik.

Berkenaan hasil data yang terkumpul dari kajian ini, memang tidak dapat dinafikan terdapat kemungkinan perbezaan data di antara suatu manuskrip dengan manuskrip yang lain. Walau bagaimanapun, perbezaan ini terutamanya dari segi bacaan alternatif boleh membantu penyelidik untuk menghasilkan edisi yang lebih baik. Begitu juga dengan ungkapan-ungkapan tambahan yang kebanyakannya berupa ulasan terperinci bagi sesetengah istilah atau isu, ia cukup membantu pembaca untuk lebih memahami konteks dan makna teks.

Berdasarkan hasil dan pengalaman kajian ini, penulis berpendapat bahawa seseorang penyelidik yang ingin menjalankan kajian penyuntingan ilmiah sesebuah manuskrip perlu mempersiapkan diri dengan persiapan berikut:

- i. Para penyelidik perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman asas untuk menjalankan kajian manuskrip. Ini termasuk maklumat berkaitan gaya penulisan manuskrip, kaedah kaligrafi, maklumat tentang bibliografi am khususnya yang berkaitan dengan katalog manuskrip Islam di dunia.
- ii. Penyelidik hendaklah mempunyai maklumat yang cukup tentang topik perbincangan atau bidang ilmu manuskrip yang hendak dikaji.
- iii. Penyelidik hendaklah mempunyai pengetahuan yang cukup tentang bahasa manuskrip¹⁷.

Ke Arah Suatu Kaedah Penyuntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu-Islam

Demikian dibentangkan secara ringkas kajian yang dilaksanakan berkaitan manuskrip *Kitāb al-Nafs* dari *al-Mu'tabar fī al-Ḥikmah*, karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī dan diketengahkan beberapa isu berkaitan kajian manuskrip. Dalam bahagian ini penulis akan memperkatakan tentang pendekatan menyunting dan mengkaji manuskrip Melayu khususnya manuskrip Melayu-Islam. Ini bertujuan

¹⁷ Lihat 'Abd al-Majīd Diyāb (1993), *Tahqīq al-Turāth al-'Arabī Manhajuhu wa Taḥawwuruhu*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 137-147 dan Ḥasan al-Shāfē'ī, *Ba'd Ṣu'ūbāt*, h. 108-109.

mengetengahkan apa yang boleh dimanfaatkan daripada pengalaman berinteraksi dengan manuskrip Arab ke dalam tradisi kajian manuskrip Melayu-Islam.

Untuk tujuan itu pengamatan akan dilakukan dari beberapa aspek berikut:

1. Kepentingan 'menghidupkan' (*ihyā'*) warisan Melayu-Islam
2. Tulisan Melayu-Jawi
3. Kaedah penyuntingan teks Melayu

1. Kepentingan 'Menghidupkan' (*ihyā'*) Warisan Melayu-Islam

Menghidupkan warisan Melayu-Islam bukan semestinya bermaksud kembali menelaah dan terikat serta terkongkong dengan warisan kitab Melayu Jawi, sama ada dari segi isi, topik perbahasan ataupun bahasa persembahannya. Hal ini sememangnya tidak sepatutnya berlaku dalam berinteraksi dengan mana-mana teks dari pelbagai zaman dan tradisi. Setiap karya agung mengetengahkan isu yang sememangnya bersifat setempat dan semasa dengan penulisnya. Hal ini perlu dihayati dan disedari oleh sesiapa sahaja yang membaca dan mengkaji karya-karya silam. Namun, ini tidak bererti bahawa kesemua maklumat yang ada dalam karya tersebut sudah tidak benar dan tidak sesuai untuk ditatapi oleh pembaca kini. Pembaca sepatutnya mampu membezakan antara apa yang bersifat 'maklumat' atau informasi yang lebih merujuk kepada fakta tertentu yang mungkin sudah tidak benar lagi dalam konteks kini dan antara 'hakikat' yang sifatnya umum dan boleh diaplikasi atau dikembangkan penjelasan dan pelaksanaannya menurut kesesuaian setiap masa dan tempat.

Jadi, apabila kita memperkatakan tentang usaha 'menghidupkan' warisan Islam lampau sama ada dalam Bahasa Arab ataupun bahasa 'Islam' lain termasuk Bahasa Melayu, khususnya Jawi, kita takrifkan sebagai "suatu usaha untuk memahami dan menilai tradisi yang sedia terdokong dalam sesuatu masyarakat bertujuan untuk mengenal pasti aspek 'hakikat' di atas, seterusnya cuba melanjut dan mengembangkan perbahasan hakikat tersebut dalam

kerangka tradisi yang terjaga dengan pendekatan yang bersesuaian dengan tuntutan dan cabaran setempat dan semasa". Tugas ini lebih mencabar sifatnya berbanding tradisi yang hanya membaca dan menghafaz teks warisan serta mengulangi penjelasannya tanpa dilakukan usaha kreatif mengembang dan memperjelasannya kepada masyarakat semasa. Tugas ini menuntut sekurang-kurangnya tiga prasyarat berikut:

Pertama, penguasaan ilmu warisan (*'ilm al-turāth*) yang berkaitan, yang sememangnya tidak terhenti - khususnya dalam tradisi Islam – kepada ilmu bangsa dan umat Melayu semata-mata bahkan lebih jauh dari itu segala ilmu yang tercatat dalam warisan Islam sejak kemunculannya sehingga kini.

Kedua, penguasaan ilmu semasa khususnya yang berkaitan dengan bidang yang dikaji dan ini termasuk penguasaan bahasa moden sama ada bahasa tempatan ataupun asing yang menjadi medium penyampaian dan penulisan ilmu-ilmu semasa tersebut.

Ketiga, kreativiti intelektual yang mampu mengenalpasti isu asas atau sebenar¹⁸ dalam masyarakat seterusnya bijak mengetengah dan mempergunakan 'hakikat' yang ditemui dalam karya silam demi menyumbang ke arah menghasilkan suatu kaedah penyelesaian bagi masalah umat setempat. Penguasaan bahasa dan kaedah persembahan semasa juga dianggap sebahagian dari prasyarat kreativiti intelektual ini.

Berdasarkan fahaman di atas, mereka yang pernah berinteraksi dengan mana-mana teks silam, sama ada teks Arab atau Melayu-Jawi, akan bersetuju betapa teks tersebut masih mengandungi banyak 'hakikat' penting walaupun tidak dinafikan ada banyak 'maklumat' yang mungkin perlu

¹⁸ Lihat perbincangan tentang konsep 'isu sebenar' (*al-mushkilāt al-haqīqiyah*) dalam masyarakat dan saranan mengembang aspek 'hakikat' dari warisan (*turāth*) Islam dalam masyarakat Islam semasa dalam Hāmid Tāhir (1991), *al-Falsafah al-Islāmiyyah Madkhal wa Qaḍāyā*, Giza: Maṭba'ah al-'Umrāniyyah li al-Ufset, khususnya fasal keempat: "al-Mushkilāt al-Haqīqiyah wa al-Mushkilāt al-Zā'ifah fi al-Falsafah al-Islāmiyyah", h. 83-98.

dipersoalkan kesesuaiannya masa kini. Karya-karya tersebut, ada antaranya yang tiada tandingannya jika dibandingkan dengan karya-karya moden yang dihasilkan oleh profesor atau mereka yang dianggap pakar-rujuk dalam bidangnya. Ia masih penting dibaca dan dikedok pendekatan dan penyelesaian yang disarankan oleh para pengkaryanya untuk kebaikan dan tatapan masyarakat kini. Lihat misalnya karya ilmuwan seperti Ibn Sīnā, al-Ghazālī dan Ibn 'Arabī, mahupun ilmuwan Nusantara seperti al-Rānirī, Fanṣūrī, al-Banjārī atau al-Faṭānī yang masih hangat dibincangkan isi dan pendekatan mereka, oleh golongan pendokong ataupun pengkritik pemikiran mereka, oleh mereka yang faham dan menghayati 'hakikat' yang dikemukakan ataupun oleh mereka yang menyangka sudah cukup memahami dan mendalami pemikiran tokoh tersebut tetapi sebenarnya masih keliru dalam banyak segi, terutama dari segi konteks dan *worldview* sebenar penulis-penulis tersebut. Dari sini kepentingan 'menghidupkan' warisan ilmuwan silam, sama ada yang berbahasa Arab mahupun Melayu-Jawi ataupun bahasa 'Islam' yang lain, dapat difahami. Oleh itu kepakaran dan kecenderungan ke arah mengusahakan misi murni ini perlu diberi perhatian oleh para sarjana tempatan, khususnya dalam bidang pengajian Islam¹⁹.

¹⁹ Apa yang diamalkan secara tradisi di Fakulti Dār al-Ulūm, Universiti Kaherah patut dicontohi. Salah seorang guru penulis, iaitu Profesor Hasan al-Shāfe'i, pernah menyebut bahawa pelajar di Jabatan Falsafah Islam di fakulti tersebut digalakkan mengusahakan bidang penyuntingan teks (*taḥqīq*) sebagai projek Sarjana mereka sebelum mengkaji topik yang bersifat isu-isu semasa pada kajian peringkat Kedoktoran. Amalan ini walaupun bukan suatu polisi bertulis namun ia penting dalam usaha melahirkan ilmuwan dan sarjana yang mantap penguasaan warisan ummah sebelum terjun mengkaji isu-isu semasa yang dihadapi masyarakatnya. Dengan pendekatan sebegini ilmuwan dan sarjana moden ini tidak akan lupa atau 'terputus' dari tradisi keilmuan ummah yang berkembang dan teguh sebelum ini. Sebaliknya mereka akan lebih mampu untuk mengembangkan apa yang ditinggalkan dalam tradisi terdahulu dan memanfaatkannya untuk masyarakat kini. Gandingan di antara 'hakikat' yang disaring dari warisan dan tradisi lampau dan ilmu-ilmu moden yang berkembang kini akan menghasilkan suatu penyelesaian yang mantap dan terkawal bagi permasalahan ummah setempat.

2. Tulisan Melayu-Jawi

Tulisan Melayu-Jawi sebagaimana yang dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah antara kesan atau hasil islamisasi Alam dan Kebudayaan Melayu²⁰. Hal yang sama juga berlaku ke atas tulisan Turkey Uthmani, Parsi dan Urdu. Kesemuanya menggunakan abjad Arab, walaupun bahasanya bukan bahasa Arab. Ini dari aspek tulisan. Manakala dari aspek perbendaharaan kata, bahkan dalam beberapa aspek struktur susunan dan pembentukan ayat, pengaruh bahasa Arab juga jelas khususnya pada istilah-istilah yang berkaitan dengan agama Islam²¹. Kesemua ini menunjukkan betapa Islam begitu dominan dalam tradisi-tradisi ini dan ia akhirnya melahirkan suatu tamadun Islam global dengan pelbagai warna dan bahasa, tamadun yang mendokong 'hakikat' yang sama, walaupun dari segi penyesuaiannya berbeza sesuai dengan tuntutan tempat dan masa. Fenomena ini membuktikan betapa Islam boleh diadaptasikan dalam pelbagai budaya dan bahasa dan kesemua bangsa dan bahasa yang menerima pengadaptasian tersebut tidak menampakkan sebarang kejanggalan atau ketidak-selesaian berinteraksi dengan pengaruh Islam yang menatang.

Hal ini berterusan sedemikian sehinggalah tiba era kolonisasi politik dan budaya, sama ada secara langsung mahupun tidak, ke atas Dunia Islam. Pengaruh Barat dan sekularisasi bahasa dan bangsa berjaya menukar bahasa dan tulisan umat Islam. Kesannya berlaku apa yang dianggap 'pemodenan' dan 'perkembangan' bahasa, walaupun ia

²⁰ Lihat S.M.N. al-Attas (1999), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (Cet. ke-6), h. 36-44.

²¹ Lihat S.M.N. al-Attas, *ibid.* Juga Ismail Hamid (1983), *The Malay Islamic Hikayat*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, khususnya dalam bab kedua: "The Influence of Islam on the Malay Language and Literature", h. 32-48 dan Osman Hj. Khalid, 'Pengaruh Bahasa Arab Dalam Memperteguh dan Memperkaya Bahasa Melayu: Suatu Pengamatan' dalam Hj. Muhammad Bukhari Lubis (Peny.) (1994), *Persuratan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 50-63.

sebenarnya lebih tepat disifatkan sebagai 'penjajahan' bahasa dan budaya. Penukaran tulisan telah berlaku pada sesetengah bahasa seperti bahasa Turkey Uthmani dan Bahasa Melayu, walaupun dalam kes Bahasa Melayu, tulisan Jawi masih digunakan dengan sistem ejaan yang tidak menentu²². Generasi 'moden' tidak lagi mampu membaca dan memahami bahasa ibunda mereka yang bertulisan Jawi. Yang lebih menyedihkan lagi, lahir ilmuwan bangsa dari produk dan tinggalan penjajah yang bercakap dengan bahasa penjajah, mengkritik keunikan bahasa dan kesenian budaya ibunda mereka dengan neraca Barat.

Berbalik kepada topik perbahasan di sini, perubahan populariti tulisan Jawi dan perbezaan sistem ejaannya mempengaruhi minat para pengkaji untuk mengkaji serta mendalami isi dan keunikan karya silam bangsa, dalam kes ini ia merujuk kepada karya Melayu-Islam atau yang lebih popular dengan *Sastera Kitab* atau *Kitab Kuning*. Para pengkaji dalam bidang pengajian Melayu, dilihat lebih menyumbang dalam menghidupkan kajian sebegini, sesuai dengan tabiat kajian mereka yang mengkaji bahasa dan budaya Melayu. Namun begitu ia masih belum mencukupi. Ini kerana para pengkaji tersebut jarang yang mampu menyelami isi dan 'hakikat' yang tercatat dalam karya-karya tersebut kerana gagal memenuhi prasyarat 'menghidupkan' warisan Melayu-Islam terutama prasyarat pertama dan ketiga yang dinyatakan di atas²³. Hasilnya kajian mereka hanya terhenti kepada menganalisis bahasa

²² Ini merujuk kepada perkembangan kaedah penulisan Jawi yang berubah-ubah semenjak sepuluh tahun kebelakangan ini, atau lebih. Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan dalam usaha menyelaraskan tulisan dan bacaan Jawi telah dianjurkan dan hasilnya lahir pelbagai versi ejaan Jawi. Jawi yang diajar di sekolah tidak lagi sama dengan apa yang dipelajari oleh generasi warga emas kita atau di institusi pondok. Antara kesannya, akhbar Utusan Melayu yang dibaca oleh kebanyakan generasi warga emas tersebut tidak lagi popular di kalangan mereka kerana versi Jawi yang digunapakai tidak lagi seperti yang mereka biasa baca.

²³ Lihat perbahasan (1) di bahagian kedua di atas; 'Kepentingan Menghidupkan (*'ihyā'*) Warisan Melayu-Islam'.

dan tulisan, serta membanding perkembangan tulisan dan bahasa dari satu era dengan satu era yang lain²⁴.

Hal ini berbeza dengan Bahasa Arab yang masih terjaga asas dan keasliannya dengan terjaganya al-Qur'an, walaupun tidak dinafikan kesan 'penjajahan bahasa dan budaya' oleh Barat juga hebat dalam masyarakat Arab moden. Karya silam Islam berbahasa Arab masih boleh dibaca dan difahami kerana pengaruh bahasa al-Qur'an yang dibaca setiap hari oleh umat Islam-Arab. Oleh yang demikian, dalam kerja 'menghidupkan' warisan bangsa dan agama serta menyunting manuskrip Arab, kita tidak memerlukan banyak proses. Tiada apa yang dinamakan 'transliterasi' teks dari Arab ke Rumi sebagaimana yang dilakukan dalam teks Melayu-Islam, iaitu transliterasi Jawi-Rumi. Ini kerana pembaca moden Arab masih mempelajari kaedah bahasa dan tulisan yang sama sebagaimana yang terdapat dalam manuskrip asal. Akan tetapi, dalam hal pembaca Melayu moden, mereka tidak mampu membaca 'Jawi' yang digunakan dalam karya silam, oleh itu khidmat transliterasi diperlukan untuk membolehkan mereka membaca, walaupun ia tidak semestinya menolong mereka memahaminya dengan mudah.

Oleh yang demikian, *trend* pengkajian manuskrip yang umum diikuti kini, khususnya dalam kajian-kajian ilmiah, lebih tertumpu kepada usaha merumikan manuskrip Jawi dengan pendekatan transliterasi. Kesannya tulisan dan 'bahasa' Jawi, yang sudah jauh disisihkan, makin diabaikan bahkan seakan diakui tiada manfaatnya kini. Persepsi sebegini adalah amat malang dan merugikan. Kalaupun sistem ejaan dan struktur bahasa Jawi itu dikatakan telah 'berkembang', namun struktur ejaan dan bahasa Jawi dalam *Kitab Kuning* masih patut dijaga sebagai sebahagian dari warisan bangsa sebagaimana arca dan artifeks sejarah yang

²⁴ Lihat misalnya kajian oleh Asmah Hj. Omar (1991), *Bahasa Melayu Abad Ke-16 Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqā'id al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Ab. Razak Ab. Karim (2002), *Aspek Penggunaan Bahasa Dalam Warkah-warkah Melayu Lama: Satu Kajian*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

lain. Oleh itu, penulis ingin mencadangkan agar penyalinan teks Jawi sebagaimana yang wujud pada manuskrip, dengan tambahan tanda baca dan penstrukturan perenggan yang sistematik, dijadikan sebagai sebahagian daripada proses penyuntingan teks. Dengan cara ini, warisan tulisan dan bentuk struktur Jawi dalam manuskrip, akan dapat dijaga sekurang-kurangnya sebagai 'arca' atau 'artifeks' bangsa untuk tatapan generasi mendatang, yang mungkin tidak akan berpeluang menatap manuskrip asalnya²⁵. Oleh itu, dalam kontek ini, transliterasi perlu memainkan peranan yang lebih luas dalam membantu pembaca moden memahami teks. Ia perlu diselitkan dengan ulasan fakta, bahkan jika perlu 'diterjemahkan' ke dalam Bahasa Melayu semasa, dan tidak lagi hanya terhenti sekadar merumikan teks semata-mata.

3. Kaedah Penyuntingan Teks Melayu-Jawi

Kaedah penyuntingan teks yang akan diperkatakan di sini bermaksud himpunan proses atau langkah kerja yang perlu dilakukan oleh penyunting teks Melayu-Islam bertulisan Jawi. Ia disarankan setelah mengambilkira pengalaman menyunting teks Arab serta keperluan setempat dan semasa dalam kes teks Melayu Jawi. Ia akan dikemukakan dalam tiga tahap utama sebagaimana berikut:

a) Tahap Mengumpul Sumber (Manuskrip) Bagi Teks Yang Ingin Disunting

Tahap ini merupakan tahap asas dan penentu bagi sesuatu projek penyuntingan teks. Seorang pengkaji perlu

²⁵ Pendekatan yang dikemukakan oleh Profesor S.M.N. al-Attas ketika mengkaji teks '*Aqā'id al-Nasafī*' patut dicontohi di mana beliau mengemukakan teks asal (Arab-Jawi), walaupun dalam bentuk faksimili, sebagai sebahagian dari bab kajian, lihat *The Oldest Known Malay Translation of the 'Aqā'id of al-Nasafī*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1988. Hal yang sama dilakukan oleh Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah dalam usahanya menerbitkan teks-teks Jawi, lihat sebagai contoh karya Syeikh Ahmad al-Fatani yang berjudul *Hadīqatul Azhār war Riyāḥīn* yang diterbitkan oleh Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1992.

mengenalpasti kewujudan manuskrip yang ingin dikaji. Dalam sesetengah keadaan, kita ketahui bahawa seseorang ilmuwan lampau telah menghasilkan suatu karya menarik, sama ada melalui kenyataan ilmuwan itu sendiri dalam karyanya yang sedia terdapat dalam pasaran, atau melalui kenyataan ilmuwan lain atau muridnya dalam karya-karya mereka, namun kita mungkin menghadapi masalah kerana tidak dapat mengesan di manakah tersimpan naskhah manuskrip karya tersebut.

Oleh itu, dalam proses mengesan kewujudan manuskrip ini, katalog manuskrip memainkan peranan yang penting. Di sini, suatu yang menjadi syarat atau prasarana asas bagi menghidupkan tradisi penyuntingan manuskrip ialah usaha menghasilkan katalog lengkap manuskrip Melayu dengan memuatkan antara lain maklumat tentang kandungan manuskrip, lokasinya dan salinan-salinan yang wujud. Dalam hal ini usaha yang telah dilakukan oleh beberapa individu seperti Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah²⁶ dan Engku Ibrahim Engku Ismail²⁷ dan institusi seperti Perpustakaan Negara Malaysia dan Pusat Islam patut dipuji, walaupun masih ada ruang untuk usaha-usaha awal ini diperkembangkan dari masa ke masa. Di samping katalog manuskrip, katalog bibliografi juga perlu ditelaah untuk mengesan sama ada manuskrip yang hendak dikerjakan itu masih belum diterbitkan lagi, sama ada dalam bentuk edisi kritikal ataupun dalam bentuk faksimili atau lithografi²⁸.

²⁶ Lihat misalnya katalog yang dihasilkan oleh beliau, *Katalog Besar Karya Melayu Islam (Jawi)*, 1999 (Belum diterbitkan), dinukil dari Hashim Musa (1999), *A Brief Survey on the Study of the Malay Sastera Kitab on Malay-Islamic Thought*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 90. Profesor Hashim Musa dalam karyanya ini ada menyenaraikan senarai katalog warisan Melayu-Islam yang dihasilkan oleh para pengkaji Melayu dan Eropah, lihat h. 89-91.

²⁷ Lihat Engku Ibrahim Engku Ismail dan Osman Bakar (1992), *Bibliografi Manuskrip Islam di Muzium Islam Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

²⁸ Lihat misalnya Ali Haji Ahmad *et. al.* (1986), *Islam Dalam Tamadun Melayu Sebuah Bibliografi*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia; Mudasir Rosder *et.al.* (1997), *Buku-buku Aqidah Edisi Jawi Ulasan dan Penilaian*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia; Hashim Musa (1999), *A Brief Survey on the Study of the Malay Sastera Kitab on*

Selain dari rujukan di atas, ensiklopedia dan jurnal atau majalah ilmiah juga penting ditelaah untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang manuskrip, tokoh dan topik perbincangan. Semua ini cukup membantu pengkaji untuk lebih memahami kandungan manuskrip yang ingin dikaji serta pemikiran penulisnya²⁹.

Setelah dapat dipastikan kewujudan manuskrip yang ingin dikaji serta bilangan naskhah yang wujud terjaga, maka langkah seterusnya ialah cuba mendapatkan kesemua salinan manuskrip yang dapat dikesan. Salinan manuskrip itu boleh didapati sama ada dalam bentuk bercetak (fotokopi), microfilm atau pun dalam bentuk CD. Bentuk terakhir ini adalah yang paling baik dan ia lebih membantu pengkaji kerana ia senang untuk ditelaah dan boleh dicetak di mana-mana sahaja dengan kos yang lebih murah.

Perlu dinyatakan bahawa pada tahap ini para pengkaji mungkin menghadapi masalah untuk mendapatkan salinan tersebut kerana halangan birokrasi dan kos yang agak tinggi khususnya jika salinan itu terpaksa dipohon dari luar negara.

b) Proses Penyediaan Teks Edisi Kritikal

Pada peringkat penyediaan teks edisi kritikal ini langkah-langkah berikut perlu diberi perhatian:

Malay-Islamic Thought, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; Mahayudin Haji Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu-Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; dan Md. Sidin Ahmad Ishak et.al. (2000), *The Malays in the Middle East - With a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Kajian Peter Riddell (2003), *Islam and the Malay-Indonesian World*, Singapore: Horizon Books juga boleh diselidiki untuk tujuan yang sama.

²⁹ Sebagai contoh jurnal bidang pengajian Melayu seperti *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, *Sari (ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia)*, *Jurnal Pengajian Melayu (Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya)*, *Jurnal Filologi Melayu (Pusat Manuskrip, Perpustakaan Negara Malaysia)* ataupun jurnal bidang pengajian Islam seperti *Islamiyyat (Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia)*, *Usuluddin (Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)*, *Shajarah (ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)* dan *AFKAR (Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)*.

i. Mempastikan Kesahihan Manuskrip

Ini penting kerana dalam banyak kes terdapat beberapa kekeliruan yang menyulitkan. Antaranya seperti perbezaan judul manuskrip berbanding kandungan teksnya atau wujud beberapa judul yang sama oleh penulis yang berbeza. Kepastian kesahihan manuskrip ini dapat dilakukan dengan cara meneliti catatan pada muka hadapan manuskrip, jika ada. Kandungan manuskrip serta bahasa teks juga boleh membantu dalam memastikan kesahihan manuskrip dan pengarangnya³⁰.

ii. Menentukan Manuskrip Yang Paling Berautoriti (Induk)

Jika terdapat beberapa manuskrip yang berlainan, pengkaji harus mengenal pasti yang manakah di antara salinan yang dimilikinya itu yang paling berautoriti. Ini dapat ditentukan dengan mengambil kira kriteria berikut: naskhah yang ditulis oleh penulisnya sendiri, naskhah yang ditulis oleh murid penulis dan terdapat 'pengesahan' penulis pada manuskrip, naskhah oleh murid penulis, iaitu tanpa pengesahan penulis, naskhah yang paling hampir dengan zaman penulis, naskhah yang disalin oleh penyalin yang ilmuwan dan naskhah yang disediakan untuk raja atau pembesar negara. Kesempurnaan teks juga penting dipertimbangkan di sini, kerana walaupun terdapat naskhah yang lebih berautoriti namun tidak lengkap dari segi teksnya, maka dinasihatkan agar naskhah yang lebih lengkap dipilih sebagai naskhah induk³¹.

³⁰ Lihat tentang perkara ini contohnya Muḥammad al-Sayyid al-Jalayand (t.t.), 'Tawḥīq al-Naṣṣ' dalam Muḥammad al-Sayyid al-Jalayand (t.t.), *Fann Taḥqīq al-Turāth*, Kaḥerah: Kulliyah Dār al-'Ulūm, Universiti Kaḥerah, h. 163-187.

³¹ Lihat tentang tertib autoriti manuskrip dalam 'Abd al-Salām Hārūn, *Taḥqīq al-Nuṣūṣ*, h.35-36 dan Ṣalāh al-Dīn al-Munjid (1982), *Qawā'id Taḥqīq al-Makḥūṭāt*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Jadīd, h. 13, seterusnya disebut *Qawā'id*. Juga Aymān Fu'ād Sayyid, *al-Kitāb al-'Arabī al-Makḥūṭ*, 2: 549 dan 'Abd al-Majīd Diyāb, *Taḥqīq al-Turāth*, h. 211 dan seterusnya.

iii. Membaca Teks Dengan Teliti

Ini bertujuan mendapat gambaran umum tentang kandungan dan gaya bahasa penulis. Ia penting dalam membantu pengkaji di peringkat seterusnya iaitu peringkat menyalin teks beserta penstrukturan perenggan dan penandaan tanda baca.

iv. Menyalin Teks Jawi Beserta Penstrukturan Perenggan Dan Tanda Baca

Penyalinan teks dilakukan sebagai langkah mempermudah proses seterusnya. Penyalinan ini biasanya dirujuk kepada naskhah induk yang dikenal pasti melalui proses (ii) di atas. Penyalinan boleh dilakukan secara tulisan tangan atau terus menaipnya dalam komputer, dan ini lebih digalakkan. Pada peringkat ini penstrukturan perenggan dan tanda baca boleh terus dilakukan. Setelah selesai menyalin, pembacaan kali kedua atau ketiga boleh dilakukan untuk mengemaskini penstrukturan perenggan dan tanda baca. Semasa melakukan penstrukturan perenggan dan tanda baca ini, perkara atau lokasi yang dirasakan perlu dilakukan anotasi boleh ditandakan untuk perhatian peringkat selanjutnya.

v. Membandingkan Dengan Manuskrip Yang Lain

Perbandingan teks antara manuskrip dilakukan untuk mencapai suatu bacaan yang paling jelas dan tepat. Ini kerana 'edisi' manuskrip yang ada mungkin meriwayatkan bacaan yang berbeza. Ia umumnya disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya oleh faktor perbezaan sumber dan tidak kurang juga kerana kedangkalan penyalin tentang isi kandungan manuskrip.

Dalam perbandingan teks, perbezaan bacaan di antara manuskrip hendaklah dicatat pada nota kaki, dan hanya bacaan yang dirasakan tepat dan jelas sahaja dikekalkan dalam teks. Bacaan yang tepat ini tidak semestinya dari naskhah induk, kecuali jika kita miliki naskhah pengarangnya sendiri. Di sini kemahiran pengkaji tentang bahasa, kaedah kaligrafi dan tulisan, kandungan teks dan sejarah zaman teks ditulis amat membantu dalam

menentukan bacaan mana yang lebih tepat dan jelas. Kesemua faktor ini akan menentukan kualiti edisi yang dihasilkan dan akan membezakan antara sesuatu edisi dengan edisi yang lain³².

vi. Menyediakan Transliterasi Teks

Penyediaan transliterasi boleh dilakukan dengan berpandukan kaedah transliterasi yang diterima umum. Kaedah transliterasi yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka³³ boleh dijadikan rujukan.

c) Anotasi Serta Indeks

Anotasi bermaksud ulasan terhadap fakta yang terkandung dalam teks. Ia melibatkan antara lain ulasan ke atas istilah-istilah penting, pengenalan tokoh dan kitab yang disebut dalam teks, sumber ayat al-Qur'an, hadith serta syair yang dipetik serta isu atau idea yang dinyatakan dalam teks. Penyediaan anotasi lengkap tentang perkara-perkara ini sememangnya dituntut kerana ia boleh membantu pembaca memahami teks. Namun begitu, para pengkaji mungkin tidak mampu mengesan sesetengah sumber petikan yang wujud dalam teks dan tidak menguasai kesemua isu dan istilah yang diperkatakan. Jadi dalam hal sebegini, apa yang boleh dilakukan ialah cuba seboleh mungkin menyediakannya, dan apa yang tidak mampu diulas ditinggalkan untuk kajian berasingan yang lebih bersifat analisis teks.

Perlu dinyatakan bahawa, sesetengah pengkaji lebih berkecenderungan untuk tidak mengemukakan anotasi sebegini dalam menyediakan edisi kritikal bagi teks. Sebaliknya mereka lebih selesa memuatkan dan membincangkan anotasi tersebut sebagai sebahagian dari analisis teks. Ini juga suatu kaedah dan pendekatan yang boleh diterima kerana ia tidak 'memberati' teks dengan

³² Lihat tentang kepentingan penguasaan pengkaji terhadap ilmu-ilmu berkaitan dan kesannya ke atas kualiti edisi yang dihasilkan 'Abd al-Majid Diyāb, *Tahqīq al-Turāth*, h. 147 dan seterusnya.

³³ Lihat *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988.

pelbagai ulasan yang mungkin tidak diperlukan oleh sesetengah pembaca³⁴. Namun pendekatan ini mesti disertai dengan suatu analisis lengkap, sekurang-kurangnya ke atas beberapa isu dan topik perbincangan penting teks.

Ini dalam kes kajian teks Arab yang tidak memerlukan versi transliterasi teks. Manakala dalam kes manuskrip Melayu-Jawi, adalah baik dibezakan di antara anotasi dan catatan perbezaan bacaan manuskrip; di mana catatan perbezaan bacaan manuskrip dilakukan pada nota kaki edisi teks Jawi, manakala segala anotasi yang dinyatakan di atas dimuatkan dalam edisi transliterasi teks.

Seterusnya dalam penyediaan indeks pula, biasanya ia merangkumi indeks nama khas, jodol kitab, indeks istilah, ayat al-Qur'an, hadith dan bait syair, di samping indeks kandungan atau tajuk-tajuk fasal kitab³⁵.

Kesimpulan

Setelah dibentangkan pengalaman dan keunikan 'seni' kajian manuskrip Arab yang berupa sebahagian dari warisan ketamadunan Islam, dan setelah diketengahkan apa yang boleh dimanfaatkan dalam usaha 'menghidupkan' tradisi kajian manuskrip Melayu-Islam khususnya, yang juga merupakan sebahagian dari warisan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa bidang kajian sebegini adalah penting dan tidak patut dipandang remeh. Ia patut diambil perhatian oleh para pengkaji ilmu dan juga pengkaji sejarah dan artifeksnya. Ia patut disokong oleh institusi keilmuan dan juga institusi yang bertanggungjawab menjaga warisan bangsa dan agama. Ini dari aspek kepentingannya.

Manakala dari aspek prasarana dan kemudahan keperluan, masih banyak perkara yang boleh dikemaskinikan dan ditingkatkan kelengkapannya untuk memudahkan para pengkaji. Usaha pengumpulan manuskrip

³⁴ Lihat tentang anotasi teks ini dalam 'Abd al-Salām Hārūn, *Tahqīq al-Nuṣūṣ*, h. 75-76 dan Ṣalāḥ al-Dīn al-Munjjid, *Qawā'id*, h. 15. Lihat juga Aymān Fu'ād Sayyid, *al-Kitāb al-'Arabī al-Makḥḥūṭ*, 2: 553-554.

³⁵ Lihat 'Abd al-Salām Hārūn, *Tahqīq al-Nuṣūṣ*, h. 86-92 dan Aymān Fu'ād Sayyid, *al-Kitāb al-'Arabī al-Makḥḥūṭ*, 2: 554.

atau salinannya dan projek pengkatalogannya perlu diteruskan. Galakan kepada para penyelidik dan pelajar perlu ditingkatkan dan dana untuk menerbitkan hasil kajian yang baik perlu diperuntukkan. Kalau kita lihat bagaimana para orientalis dan institusi mereka sanggup mengusaha dan menerbitkan bahan kajian manuskrip Islam, sama ada yang berbahasa Arab, Melayu dan sebagainya, yang mereka 'rompak' dari negara Islam, dan kemudiannya kita terpaksa membelinya dengan bayaran yang mahal, semua ini patut menjadi perangsang untuk kita menyokong gerakan pemeliharaan, pengkajian dan pemanfaatan manuskrip warisan ummah.

LAMPIRAN:
Manuskrip al-Mu'tabar fi al-Hikmah (Kitāb al-Nafs)

بالتسببات وما كوز فلما يرد مسكان وغيره فان اذ اوضح هذا على مقال فهو حجة الرواية
 بالتسببات وما كوز فاحده مسكان وغيره فما قيل في اوضح هذا على ما يقال فهو حجة الرواية
 في الشاهدين من مشاهدات السيفرة لا تخفى من ذلك ما هو من محجبه ويحضر وعرض من شدة
 وسببه ولما الفرقة الرابعة على الخبر في الامكان فما لا يحصل بالباع والظفر والخيزر بالبناء
 لهذا لا يزدح وسباع نظفها ورواها اجادها الزجيرة واسكالها وحظها ان انظارها بعضا
 الخيزر والاعفان في النظر منها ويحتم كتاب الجوز ويعدى بالنظر في علم النفس والكلام
 والحمد لله رب العالمين مستحق الشكر والحمد لله رب العالمين

كل النفس

أقول

في القوى النفسانية والاجسام
 وسائرها

للمسألة التي توجبها واستبين الخبر في النفس والاعمال الطبيعية من الكمال المقدر من الحكمة
 استعملت في هذا سيد الحكم اهتداه من على الام الله سائر وهو كتاب النفس والاعمال
 والنزى النفسانية والاجسام واصنافها فندسل القول في ما مضى من العلم الطبيعي والاعمال
 ان النزى النفسانية والاجسام وبما اشتهر على اصنافها فيقول من الحركات في شدة
 بانها لا يوجد في شدة وشبهها وبما يشبهها وبما يشبهها وبما يشبهها وبما يشبهها
 الاجسام لا تباين وهي تنوينا اظهره وبما اشتهر على اصنافها في الاضال فيقول من
 ويشتر ايضا لها ويحركها ويشتر بشورها ويشتر بحسب شورها ولو كان في شدة
 سفده في القوى الموجودة في اقياس الجوز وهي تنوينا جوية وفيها ما عرفت على
 من الاضال فيقول من الحركات ويشتر ايضا لها ويحركها ويشتر بحسب شورها بانها لا
 لا يشتر بشورها لا يشتر عنها وهي من الجوز الموجودة في النبات كهي تنوينا في
 من الاضال فيقول من الحركات بل ينيل على شج واحد ويشتر ايضا لها ويشتر
 شورها بانها لا يشتر بشورها ولا يشتر عنها وهي القوى الموجودة في اقياس النبات
 الطبيعية وشبهها في القوى الطبيعية وهذا الشرح يختلف في طبقات هذه القوى في
 ولا يكثر الاضال في القوى فاشتر الانسان بانها لا يشتر بها ويشتر بها ويشتر بها
 والنفسية والارادة صاهل من ذلك علم العلوم وعرف في الحاشية ومثباتها في
 كذلك شدة الجوز انما هي تختلف في حدها بالاعمال والاشهر والاضال في
 تختلف الجوز انما هي بالاعمال والاعمال والاعمال والاعمال والاعمال والاعمال
 زجيرة الفصل الجوز في الطبيعة والقوى الطبيعية والنباتية والجوية من حيثها

ووجد هذا الصنف المذكور مشقوقاً من حيث له صواباً في الأخبار من اصحاب النبي والروايات
 السان بالمشاهدة والاعتيان كما يحكى قوم عن انفسهم ومن مشقوقاً بما وجدنا في الروايات والروايات
 التي بذلك في ابدان المحلوات والشباب على النبي الغنائمة التي لا يرى في سالها حجة صحتها
 وانما سال الغنائمة وانما رواها واما النقل في شطارة الروايات والاشام فللنقل به والمما وتنته في حال
 شنع ولا يتق به هذا النضع بل يباين في الكلام في علم النفس في الادراكات الذهنية والصفات
 الخفية والروحية والعقلية واما ما هنا فنقول ان الروايات في مناسباتها قد مضت بحسنها
 ويحده ويشترط علم ما سيكون في ان يكون ثم تصدق ورواه وشهد له الوجود السابق
 الحاضر والذات في شطارة بسطها في الروايات فلا شك ان ذلك التعريف يعرفه في الروايات
 من علمه والاخبار من خبره ويعلم الانسان في ذلك الخبر ليس من انما هو الناس الذين في الروايات
 فان النام يكون عنده جماعة من المستنطقين وهو يرى ما يراه ويشعر ما يشعر وهم في
 التي يهاجرون في مضمرة واذ نضر سامعة ولا الهات في سمعت كل عن واذ نضر عند فالرأي من ذلك
 الباطنية وقوله الذهنية وذلك لان الظاهر من المحسوسات المعتبرة وما وجد في حجبها
 مستخرج كيف انبأ في الروايات عند من المستنطقين فالرأي ان علم الغيب للشيء
 كواشع في الحس الظاهر لها فاذا اختلفت عن تلك الشواغل بالقوم لفت واذ كذب في الروايات
 لغيره في ان يشق هذا الكلام في علم الغيب في المنام فانما يعلم الشيء من الوجود في
 ليس يخرج اذ في حجبها به وسجياتها وقواعده ومقدماته ومبادئه ومبادئها
 فقله قال قوم من المشائكة الذين على يد يسمون وسماعتهم يكون الخلق والامر بطلع
 النام على ما عندهم من ذلك في ان خبره الى الوجود فعلم الغيب وقال اخرون في نقل الحس
 ذلك من جهة من جهة والشيء يرتقي بومهم وكلاهما جائز فالروايات والمنام وما ان في
 ولا في ما باسكون بل على وجوده عالمه وباسكون محسوسه في الروايات والناس باسباب
 وموجباته وسبابه وعقله فانما هو العالم المحسوس فله علمه عالمه في قد حجبته الحكمة
 النظرية وجوده ما قبل من روي له هذا الحسوسية وهو جسمه ونفسه حاس من تحرك في الروايات
 فالنابن اعرف قال قال قوم اسمهم روي في الذهن الشفاف والماء الصافية في اشياء
 متحركة مستقيمة كاري اللب في الماء وهو كالماء والواحد المذكور لكنه لا يشعرون لها
 نطقاً في اكثرها ليس بل بحجبه من محركات واشارات عن اسم من الحاضرات واشياء

بسم الله الرحمن الرحيم وليسجد

الفصل الاول في المعنى الفعالة

والاحكام والاصنافها

فولسلف القول فيما يخفى من العلم الطبيعي والخيالي انتهى
ان من المعنى الفعالة والاحكام والاصناف ما يقدر على اضاف
من الافعال ونحوها في الاحكام وليسجد بها فاعمالها في حركاتها
وليست يعرفونها ويعمل بحسبه وليست يعرفها به بقصد
وزوبه وهي المعنى الخاصه بالاحكام الانسانية وليست
تعموما ناطقه فمنها ما يقدر على افعالها في حركاتها
من الحركات وليست يعرفها فاعمالها في حركاتها وليست يعرفها
ويعمل بحسبه تعرفها الاول احكامها لا يستعملها به
وهي المعنى المعروف في باقي الجوانب التي هي في العلمين
فمنها ما يقدر على افعالها في حركاتها وتعميرها في حركاتها
وليست يعرفها فاعمالها في حركاتها لا تستعملها به
ولا يقدر بحسبه ولا تستعملها به وهي في العلمين
في النباتات وهي في حركاتها ومنها ما يقدر على افعالها
الافعال والبركات بارفعها على يرحم ولقد استعملها فاعمالها

وهي في حركاتها ولا تستعملها بها ولا تستعملها
بمعنى المعنى المعروف في باقي الاحكام الطبيعية وليست
طابع وهي في حركاتها فهذا الشعور يختلف في طوائف
منه المعنى الاول والاحكام والاصناف والادوية في حركاتها
الانسان في افعالها وليست تعرفها وليست تعرفها بها
في الحقيقة والذات معا ومنه العلم والعمل في حركاتها
الاعراض والصفات الاحكام في حركاتها في حركاتها
والاصناف ونحوها في حركاتها في حركاتها في حركاتها
والاحكام والاصناف والاعمال في حركاتها في حركاتها
الوجود في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها
والانسان في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها
في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها
وهي في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها
التي لها في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها
ومعنى هذا الكتاب وقد كان في حركاتها في حركاتها في حركاتها
القديم قالوا انها حركاتها في حركاتها في حركاتها في حركاتها

سجد كسف مواتي والارآه من عنده من المستيقظين قال قوم ان علم الغيب للنفس بعبودها لولا
 سول الحس الظاهر لها فاذا خلقت عن تلك الثولغل باليوم رأت ولكركت من ذاتها لان هجرها
 وآشقت هذا الكلام فما يرى من علم الغيب في المنام فانه انما يعلم الشيء من الوجود والغيب ليس بوجوده بل
 من جهة اسبابه وموجباته ونزاعه ومعدسه ومبدسه ومدسه والاربعين على فعله قال قوم هم الملا
 الذين على ايديهم وسفارتهم يكون الحلق والامر يطاع نفس الباطن بما عندهم من ذلك فل خروج
 الى الوجود بعلم الغيب وقال اخرون بل والجن يعلمون ذلك حقهم محيرون البشيرة في نومهم وكلامها جاد
 فالرواية في المنام وما يار من من الاحاد والامثال ما يكون ذلك على وجود عالم بما سيكون محيرون من لا
 يعرفه من الناس باسبابه وموجباته ومبادئه وعقله فاما من موالعالم والمخبر بعلمه يعلم الفرقه
 هودت الحكمة النظرية ووجود ما قبل من حيوان روي له حد الحيوانية وموجهم ونفس حساس يتحرك
 بالارادة المهيلى عارف قائل قال قوم انهم يبدون في القروح الشفاف والماءة الصقيلة انما هي متحركة
 تنصرف كما ترى الرابطة في المداة وهؤلاءهم الالواح المذكورة لانهم لا يسهون لها بظفان الكرام بل
 يغيرونهم بحركات وانما ذات عوامص من الجاهرات واشياء من الامارات المستبيلات وما
 يكون منها بعد وما كان وغيره وما ذلك اذا صبح هذا على ما قال فهو من جملة الرؤيا في المنام ومن
 البقطة لا يتخلص دون الشخص يعرفه من حبه والمخبر ويعرف به من تعرفه وتعتني به واما المعرفة
 الزائدة على العيون والاعيان فما لا يحصل بالساع والنظر والخبر بل بالمشاهدة لهذه الارواح وماح
 بظنك ودونه احساها الروح حده وانك لا تعلمها والآقا من الاعضاء الجزية والى هذا انتهى بنا النظر
 ها هنا وصحتم كتاب الحيوان وسددي بالنظر على علم النفس والكلام منه والحمد لله رب العالمين
 مستيقظ الشكر والحمد

ثم اذنه الرحمن الرحيم وانه اشبهن بالحزن والسادس من العلم الطبيعي من
 الكتاب المعتمدين من الحكمة التي استعمل سيدنا سيدنا الحكما هذه البنية من علم ادم
 اذنه سفادته وهو كتاب المعنى الفصل الاول في العموى الفعالة
 في الاحسام او اصنافها قد سلف القول فاصحى من العلم الطبيعي والى اخرها
 اعلم ان من القوى الفعالة في الاجسام وبها تدبر على اصناف من الافعال التي يفتق من الحيات
 وسمرانها وحركاتها وسمن سعورها وتعمل بحسبها وتدبر عنها به تضاد وروية وهي القوى